



Majlis Dekan
Pendidikan IPTA




الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يونس برسنتي اسلام انتارا بعسنا ملينسنا

Seminar Kebangsaan kali ke IV

MAJLIS DEKAN PENDIDIKAN IPTA 2013

MEMACU PELAN TRANSFORMASI PENDIDIKAN



PROSIDING



23 - 25 September 2013
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),
Gombak, Kuala Lumpur

ANJURAN :

Majlis Dekan Pendidikan IPTA Malaysia
dengan kerjasama Institut Pendidikan (INSTED), UIAM



Published by:

Institute of Education,
International Islamic University Malaysia,
P.O. Box 10,
50728 Kuala Lumpur,
MALAYSIA
Tel. : +6 03 - 6196 5331 / 5333
Fax. : +6 03 – 6196 4851

ISBN 978-967-12405-0-2



ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN

Yang Berhormat Dato' Seri Idris Bin Jusoh Menteri Pendidikan II, Malaysia	I
Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha Kamaruddin Rektor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	II
Prof. Dr. Rosnani Hashim Dekan, Institut Pendidikan, UIAM	III
Prof. Dato' Dr. Abdul Rashid Mohamed Pengerusi Majlis Dekan Pendidikan IPTA	IV
Prof. Madya Dr. Hairuddin Mohd Ali Pengerusi, Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA Kali ke IV 2013	V

KERTAS KERJA

A Teacher Certification Program in Indonesia: Teachers' Perspectives ID #1 Bambang Sumintono, Nanang Bagus Subekti, Chairil Anwar Korompot, Hamdan Said	1 - 19
Tret Personaliti Pengetua Dan Guru Besar Novis Di Malaysia ID #3 Dr Shariffah Sebran Jamila Bt Syed Imam, Dr Mohameed Sani Hj Ibrahim, Prof. Madya Dr Mohd Izham Hamzah, Prof. Madya Dr Hairuddin Mohd Ali	20 – 31
Kaedah Fonik Dalam Mengajarkan Kemahiran Membaca Kanak-Kanak Prasekolah: Tinjauan Pelaksanaan Di Negara Brunei Darussalam ID #4 <i>Sutinah Hj Muhd Ali, Yahya Othman (PhD), Zamri Mahamod (PhD)</i>	32 - 50
Pemilihan Pelajar Sekolah Menengah Rendah Ke Aliran Sains ID #5 Aziz bin Nordin, Intan Bidayu binti Mohd Rafi, Nor Jamayah binti Daud	51 - 62
Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Berdasarkan Persepsi Murid ID #7 Abdul Rasid Jamian, PhD, Shamsudin Othman, PhD, Nor Syafiqah Mohd Zain	63 - 73
Exploring Malaysian University Students' Awareness of Green Computing ID #8 Tunku Badariah Tunku Ahmad, Abdullahi Bello, Mohamad Sahari Nordin	74 - 99
Transformasi Pembinaan Instrumen Kajian Terhadap Pengurusan Pengajaran Guru ID #11 Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Bin Hamzah, Prof. Madya Dr. Noor Shah Saad, Husni Zaim Khairun Nasri, Nur Nazurah Mat Yusof	100 - 113
Exemplary Post Graduate Programs in the Department of Arabic Language and Literature: Aspirations and Constraints DI #12 Muhamadul Bakir Hj. Yaakub, Nor Syarif Uwais	114 - 124

The Importance of Islamic literature curriculum: a perspective study on its relevance to contemporary social	125 - 138
ID #13 Muhamadul Bakir Hj. Yaakub, Musa Saeed Taha Idris	
Teaching Arabic language in Islamic schools for Non-Arab: a Singaporean perspective	139 - 154
ID #14 Muhamadul Bakir Hj. Yaakub, Siti Rafiah Muhamad Ramlan	
Amalan Pengajaran Guru KAFa Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Kelas Fardhu Ain (KAFa) di Negeri Kedah Darul Aman	155 - 169
ID #15 Mohd Isha Awang, PhD, Yaakob Daud, Phd, Yahya Don, PhD, Abd Latif Kassim, PhD	
Principal's Instructional Leadership And Teachers' Work Place Well-Being : A Comparative And Relationship Study Between Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan And Sekolah Menengah Agama Rakyat	170 - 181
ID #16 Mohd Nor bin Jaafar Ph. D, Mohamad Haris bin Shakroni	
School Administrators' and Teachers' Level of Awareness, Interests and Practices in Learning Culture	182 - 199
ID #17 Normah binti Lin, Hairuddin bin Mohd Ali	
Assessing Preservice Teachers' Problem Solving Abilities: A Case Study	200 - 210
ID #18 Wun Thiam Yew, Sharifah Norul Akmar Syed Zamri, Lim Hooi Lian	
A Comparative Study of Self Efficacy between Public and Religious School Students	211 - 225
ID #19 Siti Salwa Bte Md. Sawari, Norwati Bt Mansor (Dr.)	
Pemahaman tentang Falsafah Ibadat dan Pengalaman Mengajar Ibadat dalam Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah	226 - 241
ID #21 Fathiyah bt Mohd Fakhruddin , Nor Hayati bt Alwi	
Wisdom in Teaching Profession as a Best Career Choice: An Introspective Analysis	242 - 243
ID #22 Ibrahim Ali Allafiaji, Siti Rafiah Abd Hamid, Sharifah Sariah Syed Hasan, Suhailah Hussein, Nik Md Saiful Azizi	
School Teachers' Time Management In Classroom.	249 - 263
ID #23 Nor Ildahayati Binti Ilias, Hairuddin Bin Ali	
Kepatuhan Pengurusan Kewangan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Di Negeri Kedah	269 - 283
ID #25 Dr. Norazlinda Saad, Dr. Surendran Sankaran	
The Role of <i>al-Murabbi</i> in Society: Some Religious Viewpoints	287 - 292
ID #26 Ahmad Nabil bin Amir	
Humanistic Language Teaching: An Alternative Approach To Improve Students' English Language Proficiency	293 - 326
ID #27 <i>FaraSyuhadabinti Mad Isa</i>	
The Gap Between Primary And Secondary Schools Teachers In Followership Style At Adni Islamic School, Malaysia	327 - 355

ID #28	Ahmad Suhail Al-Anshory, Hairuddin Mohd. Ali	
	Amalan Penaksiran Dinamik Berasaskan Kurikulum Dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Argumentatif: Penelitian Terhadap Dua Orang Guru Bahasa Melayu Tingkatan Dua	356- 377
ID #30	Marzni Mohamed Mokhtar, Roselan Baki, Fadzilah Abd Rahman	
	Relationship between Secondary Schools Agriculture Teachers' Motivation and Use of Contextual Teaching	378 - 391
ID #32	Siti Shuhaidah Abdul Latir; Ramlah Hamzah, Ph.D.; Abdullah Mat Rashid, Ph.D.	
	Using CFA for the Alternative Quality Assurance Evaluation Model (QAEM) For National Universities Commission (NUC) of the Federal Republic of Nigeria	392 - 417
ID #33	Bojuwon Yusuf Bolaji, Hairuddin Bin Mohds Ali	
	Persepsi Guru Terhadap Perlaksanaan Penilaian Prestasi dengan Komitmen Kerja dan Tahap Motivasi Guru	418 - 448
ID #34	Abdul Said Ambotang dan Susie Ivangella @ Doivit	
	Amalan pengurusan sumber manusia dan hubungannya dengan prestasi kerja dalam kalangan penolong pendaftar: kajian di Universiti Teknologi MARA	449 - 457
ID #35	Mohd Zahurin Ramli dan Norshidah Nordin	
	Pengaruh Dimensi Kepimpinan Instruksional Pengetua Terhadap Komitmen Kerja Guru di Sabah	458 - 472
ID #36	Muhamad Suhaimi bin Taat, Phd	
	Kemahiran Untuk Pekerjaan: Kajian <i>Grounded Theory</i> Sistem Latihan Perantisan Moden	473 - 447
ID #37	Ridzwan Che Rus, Ruhizan Mohamad Yasin	
	Pengaruh Kepimpinan Pengetua Ke Atas Amalan Prinsip-Prinsip Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM)	448 - 488
ID #38	Rosnani Binti Kaman, Ishak Bin Sin, PhD, Abdull Sukor Bin Shaari, PhD, Hairudin Mohd Ali, PhD	
	Perbandingan Iklim Sekolah Antara Maktab Rendah Sains MARA	489 - 503
ID #41	Mohd Mahadzir Rahimi Bin Mohamed Nawi, Zulaine Bin Awang Taul, Dewi Isma Madzlan Bin Mazlan, Khalid Bin Johari	
	The Socioemotional Experiences of UAT's (UAT) During Teaching Practice: A Case of Reality Shock?	504- 529
ID #42	<i>Mohd Hasani Dali</i>	
	Pendidikan Berkualiti Melalui Pembelajaran Komuniti Lesson Study	530 - 539
ID #43	Zanaton H. Iksan	
	Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (Pbs) Dalam Kalangan Murid Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	540 - 556
ID #44	Asnul Dahar Minghat, Mohd Saifulrizal Abd Manaf & Muhammad Khair Noordin	

Memartabatkan Pendidikan Vokasional: Kesedaran Terhadap Peluang Melanjutkan Pengajian ke ILV dalam Kalangan Pelajar SMV di Negeri Johor	557 - 567
ID #45 Noorazman, Razali Hassan, & Daziemah Daud	
Pelaksanaan Intervensi Cerita Sosial Oleh Guru Pendidikan Khas Dalam Meningkatkan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Autistik	568 - 610
ID #46 Siti Hodijah Bt Zamakshshari, Dr. Rosadah Bt Abdul Majid	
Islamic Integrated Curriculum (IIC) For The Transformation Of Islamic Education System In Malaysia	611 - 629
ID #47 Rahimah Embong, <u>Rosnani Hashim</u> , Yuslaini Yunus	
Amalan Kurikulum Bersepadu Dan Transformasi Pendidikan Di Malaysia	630 - 652
ID #48 Rahimah Embong, Wan Ismail Wan Abdullah, Normila Noruddin	
Pengurusan Berpasukan dan Budaya Kerja Guru Di Sekolah-sekolah Menengah Negeri Perlis	653 - 666
ID #49 Prof. Madya Dr. Tang Keow Ngang, Ooi Phaik Choo	
Pedagogi Berasaskan Pembelajaran Aktif dalam Amalan Pedagogi Rasulullah SAW	667 - 675
ID #50 Nooraida Yaakob, Rabiatul-Adawiah Ahmad Rashid	
Efikasi Pengajaran Guru: Perbandingan Di Antara Guru Dalam Perkhidmatan Dan Guru Pelatih	676 - 687
ID #51 Ahmad Zamri bin Khairani	
Kesan Keadilan Prosedur Sebagai Moderator antara Kesukaran Matlamat Dengan Komitmen Guru Kepada Sekolah	688 - 701
ID #52 Abdul Jalil Ali, PhD, Subarino	
Program 2Bs: Penerapan Dan Kesedaran Nilai-Nilai Universal Dan Pengetahuan Tentang Tingkah Laku Buli untuk Menangani Kejadian Buli Di Sekolah	702 - 710
ID #54 Jamalsafri Saibon, Abdul Jalil Ali, Syed Mohamad Syed Abdullah & Adawiah Abdul Rasyid	
Amalan Organisasi Pembelajaran dan Komuniti Pembelajaran Profesional Di Sekolah-Sekolah Berbeza Pencapaian Di Pulau Pinang	711 - 728
ID #56 Aziah Ismail, PhD, Najdah Baharom, Abdul Ghani Kanesan Abdullah, PhD	
Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Kediaan Guru-Guru Tingkatan Satu Sekolah Menengah Dalam Pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS)	729 - 769
ID #58 Zuridah Hanim bt Md. Akhir, Cik Fatimah Nadia bt Che Hasnam, Mohd Sofian Omar-Fauzee, Yaakob Daud, Yahya Don, Abd Latif Kassim, Rozita Abd Latif, Nagoor Meera Abdullah	
Ideal Vs. Reality: Evidences From Senior Teachers' Experiences On The Malaysian School-Based Assessment System (SBA)	770 - 781
ID #61 Che Noraini Hashim, Adlina Ariffin, Nurhidayah Muhammad Hashim	

Do You Teach The Way You Were Taught? Graduate Teachers' Perceptions Of Their Undergraduate Teacher Preparation At The University	782 - 803
ID #62 Mwembesa Umar, Sharifah Sariah Syed Hassan, Che Noraini Hashim, Abdul Shakour Duncan Preece	
Animasi Interaktif Masa Depan, Pembelajaran Personal (Ple) Anak Orang Asli: Satu Kajian Fuzzy Delphi	804 - 826
ID #65 Mohamad Muhidin Patahol Wasli; Nur Azyma Ismail; Mimi Faizura Mohamad; Saedah Siraj; Zahra Naimie; Zaharah Hussin	
The Malaysian Education Blueprint(PPPM) 2013-2025: Unity Among Students	827 - 846
ID #66 Prof. Dr. Rosnani Hashim, Wirawani binti Kamarulzaman	
Sexual Harassment in The Workplace Environment: Psychological Impact To The Women	847 - 856
ID #67 Kamarulzaman Hj. Mohd. Jidi, Husin Junoh, Wan Azlinda Wan Mohamed, Warman, Nur Zakiah Hani Kamarulzaman	
Predicting English Oral Communication Skills Of Engineering Students From Usage Frequency And Self-Confidence Level	857 - 874
ID #68 <i>Maizam Alias, Nor Azura Osman, Marlina Mohamad</i>	
Kajian Kualiti Persekitaran Dalam Terhadap Reka Bentuk Studio Lukisan Kejuruteraan Ideal Di Sekolah Menengah Teknik	875 - 883
ID #69 Mohd Hanif Bin A Karim, <i>Azman bin Hasan</i> , Jamil Bin Abd Baser	
Pemeriksaan Kompetensi K-Pekerja Di Malaysia Menggunakan Pendekatan Pendidikan Integrasi Holistik; Penyepaduan Ilmu Wahyu (<i>Revealed Knowledge</i>) Dalam Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	884 - 877
ID #70 Jailani bin Md. Yunos , Akhmal Annas bin Hasmori	
Tahap Kemahiran Profesional Guru-Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	878 - 905
ID #71 <i>Jamil Abd Baser, Azman Hasan, Rasidayanty Saidon, Noorazman Abd Samad, Khairuddin Harun, Ramlan Zainal Abidin</i>	
Strategies for Managing Stress for Optimal Job Performance	906 - 920
ID #72 Kamarulzaman Hj. Mohd. Jidi, Husin Junoh. Nur Zakiah Hani Kamarulzaman	
Importance Of Communication In Developing Performance Organization Of A Point Of View As Manager	921 - 927
ID #73 Kamarulzaman Hj. Mohd. Jidi, Husin Junoh, Sapon Ibrahim, Suraya Kamarulzaman	
Menentukan Faktor-Faktor Pemilihan Kerjaya Perguruan Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional Di UTHM	928 - 941
ID #74 Azman Hasan, Jamil Abd Baser, Noraliza Rajibi, Noorazman Abd Samad, Khairuddin Harun, Ramlan Zainal Abidin	
If You Think PBL Is Right for Your Students, Think Again.	942 - 956
ID #75 Lai Chee Sern, Razali Hassan, Kamarulzaman Hj. Jidi, Lee Ming Foong, Johnson Lim Soon Chong	

Interaksi dalam modul Sains mPembelajaran Kolaboratif (CmL): Implikasi kepada pembangunan pengetahuan	957 - 934
ID #76 Dorothy DeWitt, Saedah Siraj and Norlidah Alias	
Pendidikan Alternatif <i>Homeschooling</i> bagi kanak-kanak Orang Asli : Analisis Keperluan	935 - 1001
ID #78 Mohd. Nazri Abdul Rahman ,Norlidah Alias, Saedah Siraj & Dorothy Dewitt ^a ,	
Future Trends in the Management of School Finance	1002 - 1032
ID #79 Husaina Banu Kenayathulla	
Memperkasa Nilai Paling Utama Dan Memperkasa Nilai Interaktif Dalam Pendidikan UIAM	1033 - 1037
Prof. Dato' Dr. Sidek Baba	
Merealisasikan Penempatan Kepimpinan Berprestasi Tinggi Di Setiap Sekolah UM	1038 - 1094
Saedah Siraj, Mohammed Sani Ibrahim	
Better Teaching of Thinking Skills: Calling for an Academic Resilience Model of Malaysian Students	1095 - 1126
USM Shahabuddin Hashim, Seffetullah Kuldass, and Mohd Ali Samsudin	
Memacu Pelan Transformasi Pendidikan: Peranan IPTA Dalam Membantu Meningkatkan Kuantiti Dan Kualiti Pendidikan Aliran Sains Dan Teknikal Di Malaysia	1127 - 1142
UTHM Razali Hassan , Halizah Awang , Badaruddin Ibrahim , Siti Hajar Zakariah	
Teachers' Perception on Language Proficiency of Secondary School Students and Factors Contributing to Proficiency	1143 - 1167
UTM Mohd Salleh Abu, Zainal Abidin Zainuddin, Yeo Kee Jiar, Lu Xi, Azlina Mohd Kosnin	
Keperluan Penggunaan Modul Etika Kerja Guru dalam Membentuk Penghayatan Nilai Pelajar	1168 - 1186
UUM Prof. Madya Dr. Mohd Izam Ghazali, Dr. Mohamad Khairi Haji Othman, Alis Puteh, Dr. Mohd. Zailani Mohd Yusoff , Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim	
Teacher Employment And The Open Market Saga Opportunity Beholds The New Breed Of Teachers And Hybrid Professionalism	1187 - 1195
MEDC Abdul Rashid Mohamed	
Accelerating Knowledge Production in East Asia: Implications for Strategic Research Development in Malaysian Universities	1196 - 1211
UCAP- Professor Philip Hallinger TAMA	



Bidang pendidikan dianggap faktor kritikal kejayaan dalam rangka kita hendak mencapai status negara maju dengan rakyatnya berpendapatan tinggi menjelang 2020. Ia merupakan penyumbang utama pembangunan modal insan dan ekonomi negara. Lantas bidang pendidikan diletakkan sebagai satu elemen penting transformasi dalam GTP dan ETP. Sebagai satu perancangan terancang kerajaan, ia bersifat inklusif yang merangkumi pelbagai bidang dan tahap pendidikan seperti pra-sekolah, sekolah rendah dan menengah, pra-universiti, kolej vokasional/politeknik, dan pendidikan di universiti. Pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 ialah pernyataan jelas tekad kerajaan ke arah matlamat Malaysia pada alaf baru.

Melalui transformasi pendidikan diharap penambahbaikan drastik pendidikan tercapai dalam masa 12 tahun akan datang agar sistem pendidikan kita antara yang terbaik di dunia menjelang 2025. Pada ketika ini kita harap dapat melahirkan generasi muda yakni golongan modal insan alaf baru dari segi pegangan agamanya yang mantap, beretika, mahir dan cekap dalam pelbagai kerjaya, pengamal IT dalam segala urusan kerja dan komunikasi, berfikiran kreatif dan inovatif, tegas dan efektif dalam kepimpinan dan membuat keputusan serta bersifat patriotik terhadap negara kita Malaysia.

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur iaitu Majlis Dekan Pendidikan IPTA istimewanya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia selaku tuan rumah. Terima kasih kerana menjemput saya. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua pihak ke seminar ini dan berharap perjumpaan kita dapat memperkukuhkan silaturrahim sesama kita serta dapat mencapai objektif-objektif seminar ini. Insya Allah.

Yang Berhormat Dato' Seri Idris Bin Jusoh
Menteri Pendidikan II



Pendidikan ialah jantung pembangunan ummah. Matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang boleh meningkatkan kualiti diri dan memberi sumbangan yang positif untuk komuniti, masyarakat dan negara. Melalui pendidikan yang holistik generasi muda dipupuk dan dibimbing agar mencapai kecemer-

langan dalam mencari makna ihsan yang hakiki.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 ialah dokumen Kementerian Pendidikan Malaysia yang dihasilkan secara teliti dan professional untuk mencapai taraf pendidikan yang unggul dan terbaik bagi Malaysia pada hari muka.

Salah satu peranan pendidikan adalah untuk menyelesaikan masalah. Dalam pendidikan, kita hadapi apa yang kita tahu, bagaimana nak tahu dan bagaimana menangani apa yang kita telah tahu.

Bagaimanapun pendidikan diperingkat global kian berubah secara dinamik kerana proses pendidikan itu sendiri bersifat malar dan “constant.” Oleh yang demikian pendidikan perlu bersifat tranformatif untuk menangani perubahan.

Transformasi bukanlah satu fenomena atau perancangan manusia yang asing dalam ajaran Islam dan kehidupan ummat manusia.

Diharap seminar ini memberi impak kepada transformasi pendidikan negara ini yang sedang menuju negara maju menjelang tahun 2020.

Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha Kamaruddin

Rektor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



Proses globalisasi sangat ketara mempengaruhi sistem pendidikan sejagat masa kini dari pelbagai sudut – bahasa pengantar sekolah-sekolah dengan Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa, penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan, kepentingan kemahiran insaniah, dan ranking sejagat antara institusi-institusi pendidikan tinggi di dalam mahupun di luar negara. Sudah tentu setiap negara perlu berhadapan dengan arus perubahan ini untuk terus relevan. Justeru perlulah digembeleng segala tenaga dan buah fikiran bagi menghasilkan satu pelan pendidikan yang mampu mengatasi pengaruh negatif globalisasi dan seterusnya memacu kearah transformasi pendidikan negara secara menyeluruh dengan cekap dan berkesan. Dalam konteks negara kita, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-25) telah pun dirangka dan harus dilaksanakan dalam tiga gelombang. Gelombang pertama telah pun bermula dan terdapat beberapa isu yang harus ditangani bagi kelicinan pelaksanaan. Maka atas kesedaran inilah tema “Memacu Pelan Transformasi Pendidikan” dipilih.

Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Malaysia (MDPM) yang Ke-4 merupakan satu platform atau medan bagi para sarjana, cendekiawan, pendidik dan pembuat dasar pendidikan seluruh negara membedah dan memeriksa PPPM (2013-25) supaya dapat memperkemas dan memastikan pelaksanaannya yang lebih berkesan. Moga-moga seminar ini akan dapat menghasilkan beberapa resolusi berbentuk strategi penyelesaian terhadap isu-isu yang menghalang kelicinan dan keberkesanan pelaksanaan PPPM di samping membantu mendalami pemahaman para hadirin tentang isu pendidikan negara.

Saya mengalu-alukan kehadiran semua peserta yang berhimpun dalam seminar yang ke-4 ini. Semoga Seminar Kebangsaan MDPM 2013 ini dapat memperkaya dan menggugah akal dan rohani semua yang hadir.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Pengucaputama, ahli MDPM, pembentang kertas kerja, peserta dari pelbagai jabatan, agensi dan institusi dan khususnya kepada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Seminar Kebangsaan MDPM yang begitu komited untuk memastikan kejayaan seminar ini. Semoga semua usaha ini akan diterima oleh Allah S.W.T. sebagai amal jariah kita.

Sekian. Terima kasih.

Prof Rosnani Hashim
Dekan,
Institusi Pendidikan, UIAM



Ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk memberi kata-kata aluan untuk buku program Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2013.

Pada kali ini, Majlis Dekan Pendidikan IPTA dengan kerjasama Institut Pendidikan UIAM (INSTED) telah berusaha untuk menganjurkan Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2013 (MEDC 2013) dengan temanya “Memacu Pelan Transformasi Pendidikan Negara”. Saya berpendapat tema ini sangat berseesuaian dengan agenda transformasi pendidikan negara di mana adalah menjadi matlamat akhir kita bahawa sistem pendidikan negara akan menjelma standing dengan negara-negara maju tetapi berasaskan acuan kita tersendiri. Sebagai pengerusi Majlis Dekan Pendidikan IPTA semasa, saya sangat-sangatlah berharap semua kertas kerja yang dibentangkan akan menghasilkan dapatan-dapatan dan idea-idea baru yang mampu membantu secara efisien melonjak transformasi pendidikan negara ke arah yang di tetapkan sebagaimana dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Seterusnya, ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada INSTED, UIAM amnya dan ahli Jawatankuasa penganjur seminar kebangsaan ini yang telah bertungkus-lumus untuk menjayakan seminar ini. Akhir sekali, saya juga mengalu-alukan kedatangan semua pembentang dan peserta seminar kerana tanpa tuan-tuan dan puan-puan sekalian seminar ini tidak akan menjadi kenyataan.

Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdul Rashid Mohamed
Pengerusi Majlis Dekan Pendidikan IPTA
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia.



Sukacitanya ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dekan Institut Pendidikan (INSTED), IIUM kerana telah menaruh kepercayaan serta keyakinan kepada saya sebagai pengerusi Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2013 Kali ke IV (MEDC 2013). Di samping itu juga , ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk menukikan sepatah dua kata dalam buku program seminar ini.

Sebagaimana maklum, objektif Majlis Dekan Pendidikan IPTA (dengan kerjasama INSTED) mengadakan seminar kebangsaan ini antara lainnya adalah untuk menyediakan satu platform dalam usaha menjana idea-idea yang berkesan bagi memperkemas dan memastikan pelaksanaan secara berkesan pelan transformasi pendidikan negara.

Untuk memperincikan lagi objektif di atas, maka tema seminar pada tahun 2013 ini adalah “Memacu Pelan Transformasi Pendidikan”. Tema ini mampu memandu para sarjana dan penyelidik memfokuskan pembentangan mereka berdasarkan lima sub-tema seperti berikut:

- Kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa,
- Profisiensi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi setiap murid,
- Melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai-nilai Islam dan universal,
- Transformasi keguruan sebagai profesion pilihan dan
- Merealisasikan penempatan kepimpinan berprestasi tinggi di setiap sekolah.

Sebagai pengerusi seminar kebangsaan tahun ini, adalah menjadi harapan Majlis Dekan Pendidikan IPTA supaya seminar ini dapat membuahkan hasil demi faedah ummah dalam jangka masa yang panjang. Sukacita juga saya mengucapkan selamat berseminar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) “Garden of Knowledge and Virtue”. Sebelum mengundur diri, izinkan saya menyusun sepuluh jari memohon ribuan maaf bagi pihak diri saya serta rakan-rakan lain dalam jawatankuasa seminar jika terdapatnya sebarang kekurangan dalam pengurusan perjalanan seminar ini. Yang buruk dan lemah itu adalah datangnya daripada kami dan yang terbaik itu adalah datangnya daripada Yang Maha Pencipta, Allah Subhanahuwataala.

Terima kasih.

Prof. Madya Dr. Hairuddin Mohd Ali

Pengerusi

Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2013 (MEDC2013)

**PENGARUH KEPIMPINAN PENGETUA KE ATAS AMALAN PRINSIP-
PRINSIP
PENGURUSAN KUALITI MENYELURUH (TQM)**

Rosnani Binti Kaman¹
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Ishak Bin Sin, PhD²
Abdull Sukor Bin Shaari, PhD³
Universiti Utara Malaysia

Hairudin Mohd Ali, PhD⁴
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh kepemimpinan transformasional ke atas amalan prinsip pengurusan kualiti menyeluruh (TQM) dalam kalangan pemimpin sekolah. Walaupun dapatan kajian lalu menunjukkan kepemimpinan transformasional mempunyai pengaruh ke atas amalan prinsip TQM, namun tidak banyak kajian yang mengaitkan antara kepemimpinan transformasional dengan amalan prinsip TQM dijalankan dalam alam persekolahan di Malaysia. Kajian tinjauan rentasan ini melibatkan 309 orang guru mata pelajaran di 31 buah sekolah menengah Berprestasi Tinggi (SBT) di Semenanjung Malaysia. Kaedah pensampelan rawak mudah telah diguna pakai. Dua set soal selidik terpiawai digunakan untuk mengumpul data. Instrumen *The Principal Leadership Questionnaire (PLQ)* yang dibina oleh Jantzi dan Leithwood (1996) digunakan untuk mengukur kepemimpinan transformasional pemimpin sekolah dan instrumen Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) yang dibina oleh Lim (2003) digunakan untuk mengukur amalan prinsip TQM. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan kepemimpinan transformasional ke atas amalan prinsip TQM. Keputusan ujian kesepadanan terbaik model (*goodness-of-fit*) selepas modifikasi menunjukkan model adalah sepadan dengan data. Kesimpulannya, kajian ini telah menyumbang kepada pertambahan ilmu tentang kepemimpinan transformasional dan amalan prinsip-prinsip TQM dalam kalangan pemimpin sekolah di Malaysia.

Kata kunci: Kepimpinan transformasional, Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM).

-
- 1 Ketua Jabatan, Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Kementerian Pendidikan Malaysia
 - 2 PhD, Pensyarah Kanan, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia
 - 3 PhD, Prof Madya, Pensyarah Kanan, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia
 - 4 PhD, Prof Madya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

1. Pengenalan

Pengetua adalah pemimpin utama di sekolah dan mempunyai peranan penting dalam mengekalkan prestasi serta peningkatan kualiti sesebuah sekolah (Sergiovanni, 2001). Oleh kerana peranan kepimpinan pengetua yang mempunyai pengaruh terhadap perubahan budaya kerja dan tingkah laku guru-guru di sekolah, maka isu-isu berkaitan dengan stail kepimpinan sepatutnya diberi keutamaan (Hausman, Crow, & Sperry, 2000). Kepimpinan transformasional didapati dapat meningkatkan prestasi organisasi di samping memberi kesan ke atas tingkah laku orang bawahan (Bass, 1985). Selain kepimpinan transformasional, TQM juga mempengaruhi sikap serta tingkah laku ahli organisasi (Noorliza & Muhammad Hasmi, 2006) dan seterusnya memberi kesan ke atas prestasi organisasi (Ahire, Waller & Golhar, 1996; Nir, 2002; Keng, Nooh, Veeri, Lorraine & Alex, 2007).

Stail kepimpinan merupakan elemen yang sangat penting dalam usaha menggalakkan amalan TQM di sesebuah organisasi (Ehigie & Akpan, 2004). Pemimpin yang mengamalkan stail kepimpinan transformasional lebih berkeyakinan memimpin, menjelaskan visi masa depan dan membina keyakinan diri orang bawahan untuk mencapai kecemerlangan organisasi (Hirtz, Murray & Riordan, 2007). Kajian oleh Luria (2008) serta Laohavichien, Fredendall, dan Cantrell (2011) mendapati bahawa kepimpinan transformasional adalah komponen penting yang mempengaruhi pelaksanaan amalan TQM. Pemimpin yang mengamalkan kepimpinan transformasional didapati dapat meningkatkan amalan TQM dalam organisasi (Hirtz, Murray & Riordan, 2007; Laohavichien, Fredendall & Cantrell, 2009; Laohavichien, Fredendall & Cantrell, 2011; Mohammad & Rushami, 2012).

Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan beberapa pekeliling yang mengarahkan sektor awam supaya melaksanakan pengurusan kualiti dalam organisasi masing-masing. Walaupun beberapa anugerah diperkenalkan dan surat-surat pekeliling yang berkaitan dengan pengurusan kualiti dikeluarkan sejak 1992, serta telah banyak latihan dijalankan

untuk memudahkan pemimpin sekolah menjalankan TQM, tetapi dari segi pelaksanaannya masih menjadi persoalan. Masih tidak dapat dipastikan bilangan sekolah yang benar-benar mengamalkan TQM semasa memimpin sekolah.

Dapatan kajian Patimah (2002) menunjukkan amalan TQM di sekolah menengah di Perak yang dikaji masih pada tahap sederhana. Demikian juga dengan dapatan kajian Siti Noor (2011) yang menunjukkan bahawa amalan TQM adalah rendah di sekolah berprestasi rendah di Kelantan. Di sini timbul satu persoalan iaitu mengapakah tidak banyak organisasi pendidikan di Malaysia yang mengamalkan TQM? Adakah ia mempunyai kaitan dengan kepimpinan dalam sesebuah organisasi? Walaupun kepimpinan transformasional dan amalan prinsip TQM secara umumnya merupakan strategi pengurusan yang berkesan untuk mencemerlangkan organisasi, namun peranan TQM dalam sektor pendidikan di Malaysia masih lagi diperbincangkan (Ahmad, 2008; Aziah, Abdul Ghani & Abdullah, 2008). Barnett, McCormick dan Connors (2001) pula pernah mempersoalkan berkaitan kepimpinan transformasional sama ada sebagai satu jalan penyelesaian, penawar atau masalah? Sehubungan itu, adalah wajar satu kajian untuk mengenal pasti pengaruh kepimpinan transformasional terhadap amalan prinsip TQM dalam kalangan pemimpin sekolah dijalankan dalam alam persekolahan di Malaysia.

2. Kepimpinan Transformasional

Pemimpin yang mengamalkan kepimpinan transformasional berupaya mendorong ahli organisasi yang dipimpin supaya lebih komited, prihatin serta bersungguh-sungguh melibatkan diri dalam usaha mencapai matlamat organisasi (Burns, 1978). Mengikut Burns (1978) lagi, pemimpin transformasional memberi keutamaan terhadap nilai-nilai yang lebih murni dan mulia, di samping menghindari sikap mementingkan diri sendiri. Kesannya, orang bawahan akan menggunakan inisiatif sendiri untuk berfikir dan bertindak secara kreatif, tanpa menunggu arahan daripada pemimpin. Bass (1985) pula menjelaskan bahawa pemimpin transformasional memiliki ciri-ciri pemimpin

berkarisma iaitu pemimpin yang berwawasan, di samping sentiasa memberi dorongan semangat, bersikap prihatin, memberi rangsangan secara intelektual, berupaya merangsang minda intelektual orang bawahan, serta sentiasa bertoleransi mempertimbangkan keperluan agar orang bawahan bersungguh-sungguh berusaha mencapai matlamat organisasi (Bass, 1985). Manakala Jantzi dan Leithwood (1996) pula mengemukakan bahawa pemimpin transformasional memimpin secara menjelaskan visi, memberi teladan yang baik, mendorong kerjasama berkumpulan, memberi sokongan, merangsang intelek serta meletakkan harapan yang tinggi agar orang bawahan lebih bersemangat berusaha mencapai matlamat organisasi.

3. Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) dalam Organisasi Pendidikan

Konsep TQM dalam pengurusan dan sistem pendidikan di Malaysia, mula disebarluaskan pada tahun 1993, iaitu seperti yang terkandung dalam “Wawasan Pendidikan: Agenda Pengisian” (Wan Mohd. Zahid, 1993). Sallis (1993) mengemukakan tentang TQM sebagai falsafah penambahbaikan berterusan yang boleh diaplikasikan dalam organisasi pendidikan. Sallis (1993) menjelaskannya tentang TQM sebagai, *“TQM is a philosophy of continuous improvement, which can provide any educational institution with a set of practical tools for meeting and exceeding present and future customers needs, wants and expectations”* (p. 34).

Scott dan Palmer (1994) mengemukakan lapan prinsip TQM untuk diamalkan dalam organisasi pendidikan, iaitu fokus pelanggan, keterlibatan pekerja, komitmen pengurusan berpengalaman, latihan dan pendidikan, pengukuran kejayaan yang sah, penambahbaikan berterusan, kualiti masa dalam tugas serta sistem pengurusan kualiti. Keterlibatan ibu bapa, guru, murid dan ketua masyarakat amat diberi keutamaan supaya pencapaian sekolah terus meningkat ke arah mencapai mutu pendidikan yang terbaik.

Arcaro (1995) pula mengemukakan lima prinsip TQM untuk diaplikasikan di sekolah kualiti menyeluruh untuk diamalkan secara serentak, berterusan dan melibatkan penyertaan yang menyeluruh daripada semua pihak. Lima prinsip tersebut ialah fokus pelanggan, keterlibatan menyeluruh, pengukuran, komitmen pengurusan atasan dan penambahbaikan berterusan. Amalan prinsip TQM memudahkan pengendalian perubahan di organisasi pendidikan, bermula daripada aktiviti di bilik darjah hinggalah kepada pengurusan serta penyelenggaraan sekolah (Arcaro, 1995).

Seterusnya, Lim (2003) mengemukakan sembilan prinsip TQM yang sama pentingnya untuk diamalkan secara serentak. Prinsip tersebut lebih komprehensif, menyamai dimensi yang dikemukakan oleh Saraph, Benson dan Schroeder (1989), Flynn, Schroeder dan Sakakibara (1994), Ahire, Waller dan Golhar (1996), Zhang, Waszink dan Wijngaard (2000) serta Dass, Paul dan Swierczek (2008). Lim (2003) mengutamakan komitmen seluruh sekolah kepada kualiti, perancangan untuk kualiti, fokus kepada pelanggan, keterlibatan guru secara menyeluruh, pemberian penghargaan dan pengiktirafan, pengurusan mengikut fakta, latihan dan pembangunan guru, penambahbaikan berterusan serta fokus proses dan pencegahan.

4. Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah untuk memperjelaskan sejauh manakah kepimpinan pengetua mempengaruhi amalan TQM di sekolah menengah Berprestasi Tinggi (SBT) Semenanjung Malaysia. Tujuan kajian ini disimpulkan sebagai berikut:

- i. Untuk mengenal pasti tahap kepimpinan transformasional dan amalan TQM dalam kalangan pemimpin sekolah yang dikaji.
- ii. Untuk mengenal pasti sama ada wujud pengaruh kepimpinan transformasional terhadap amalan TQM di sekolah kajian.

5. Metodologi Kajian

Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan rentasan (*cross-sectional*) untuk mengenal pasti pengaruh kepimpinan transformasional terhadap amalan prinsip TQM.

Dua set instrumen yang terdiri daripada soal selidik terpiawai digunakan untuk mengumpul data. Instrumen *The Principal Leadership Questionnaire* (PLQ) yang dibina oleh Jantzi dan Leithwood (1996) digunakan untuk mengukur kepimpinan transformasional. Manakala instrumen Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) oleh Lim (2003) pula diguna untuk mengukur tahap amalan prinsip TQM dalam kalangan pemimpin sekolah.

Unit analisis kajian ini adalah guru mata pelajaran. Data dianalisis melibatkan respons daripada 309 guru mata pelajaran yang sedang mengajar di 31 buah sekolah menengah SBT di Semenanjung Malaysia. Data dianalisis dengan menggunakan program komputer pakej perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 18 dan *Analysis of Moment Structure* (AMOS) versi 18. Analisis model persamaan berstruktur (*Structural Equation Modeling*-SEM) diaplikasikan untuk mengenal pasti pengaruh kepimpinan transformasional terhadap amalan prinsip TQM dalam kalangan pemimpin sekolah.

6. Analisis Data dan Perbincangan

6.1 Analisis Faktor Penerokaan (*Exploratory Factor Analysis*-EFA)

Kaedah analisis faktor penerokaan (*exploratory factor analysis*-EFA) telah digunakan semasa kajian rintis bagi menguji kesahan instrumen-instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Dalam kajian ini, analisis EFA dijalankan dengan menetapkan nilai pemberat faktor (*factor loading*- FL) melebihi .50 ($FL < .50$).

Semasa kajian rintis, instrumen asal kepimpinan transformasional (PLQ) terdiri daripada enam (6) dimensi (24 item). Berdasarkan keputusan EFA, sejumlah 4 item kepimpinan transformasional yang nilai FL kurang daripada .50 telah disingkirkan. Manakala dimensi rangsangan intelektual (KTRI) pula diketepikan kerana item bagi dimensi berkenaan mempunyai nilai pemberat faktor (*factor loading*- FL) kurang daripada .50 ($FL < .50$). Ini menjadikan jumlah item kepimpinan transformasional

yang dianalisis semasa analisis faktor pengesahan (*confirmatory factor analysis* -CFA) model pengukuran ialah 20 item, iaitu mewakili lima (5) dimensi.

Instrumen TQM semasa kajian rintis terdiri daripada sembilan (9) dimensi (56 item). Berdasarkan keputusan *EFA*, sejumlah 10 item yang nilai FL kurang daripada .50 serta item yang mempunyai pemberat faktor bertindih telah disingkirkan. Ini menjadikan jumlah item TQM yang sah ialah 46 item, mewakili lapan (8) dimensi. Dimensi penambahbaikan berterusan (TQMPB) serta dimensi fokus proses dan pencegahan (TQMFPP) digabungkan dengan penamaan dimensi baru iaitu dimensi proses penambahbaikan dan pencegahan (TQMPPP) kerana selepas *EFA*, item bagi kedua-dua dimensi tersebut terhimpun sebagai satu faktor.). Oleh itu, jumlah item TQM yang dianalisis semasa analisis faktor pengesahan (*confirmatory factor analysis* - CFA) model pengukuran ialah 46 item, iaitu mewakili lapan (8) dimensi. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, analisis pemboleh ubah kepemimpinan transformasional dan amalan prinsip TQM dilihat secara keseluruhan.

6.2 Analisis Faktor Pengesahan (CFA) Model Pengukuran

Model pengukuran kepemimpinan transformasional lima (5) dimensi dimodifikasi dengan pengelompokan item (*item parceling*). Bagaimanapun satu dimensi iaitu harapan pencapaian tinggi (KTHPT) telah disingkir kerana pemberat faktor dimensi KTHPT adalah kurang daripada .50 ($FL < .50$). Ini menjadikan hanya empat (4) dimensi kepemimpinan transformasional yang terdiri daripada 17 item telah dianalisis semasa analisis faktor pengesahan (CFA) model persamaan berstruktur (SEM). Manakala model pengukuran TQM dimodifikasi dengan pengelompokan item (*item parceling*) yang terdiri daripada lapan (8) dimensi, tanpa penyingkiran dimensi. Ini menjadikan lapan (8) dimensi TQM yang terdiri daripada 46 item telah dianalisis semasa analisis faktor pengesahan (CFA) model persamaan berstruktur (SEM).

6.3 Analisis Statistik Deskriptif

Analisis statistik deskriptif kajian ini diaplikasikan bagi menjawab soalan kajian pertama. Bagi tahap amalan kepemimpinan transformasional dan TQM, interpretasi skor

min 1.00 hingga 1.80 menunjukkan tahap tidak diamalkan, skor min 1.81 hingga 2.60 menunjukkan tahap sangat rendah amalan, skor min 2.61 hingga 3.40 menunjukkan tahap rendah amalan, skor min 3.41 hingga 4.20 menunjukkan tahap tinggi amalan, dan skor min 4.21 hingga 5.00 menunjukkan tahap sangat tinggi amalan. Berdasarkan interpretasi skor min, keseluruhan kepimpinan transformasional diamalkan pada tahap tinggi (M= 4.19). Manakala keseluruhan amalan TQM diamalkan pada tahap sangat tinggi (M = 4.27). Jadual 1 berikut menjelaskan skor min serta tahap kepimpinan transformasional dan amalan TQM di sekolah yang dikaji.

Jadual 1: Tahap Amalan Kepimpinan Transformasional dan TQM

Pemboleh ubah	Min (M)	Tahap Amalan
Kepimpinan Transformasional	4.19	Tinggi
TQM	4.27	Sangat Tinggi

Berdasarkan Jadual 1 di atas, menjelaskan bahawa pengetua sekolah menengah SBT yang dikaji mengamalkan stail kepimpinan transformasional pada tahap tinggi dan mengamalkan prinsip TQM pada tahap sangat tinggi. Keputusan kajian ini bercanggah dengan dapatan kajian Siti Noor (2011) yang menunjukkan amalan TQM adalah rendah di sekolah berprestasi rendah di Kelantan dan dapatan kajian Patimah (2002) menunjukkan amalan TQM di sekolah menengah di Perak yang dikaji diamalkan pada tahap sederhana sahaja.

6.4 Analisis Faktor Pengesahan (CFA) Model Persamaan Berstruktur (SEM)

Analisis faktor pengesahan (CFA) model persamaan berstruktur (*structural equation modeling-SEM*) diwakili oleh pemboleh ubah bebas (*exogenous*) kepimpinan transformasional. Pemboleh ubah bersandar (*endogenous*) pula diwakili oleh TQM. Model persamaan berstruktur ini dibina bagi melihat pengaruh kepimpinan transformasional terhadap amalan prinsip TQM.

Penilaian ke atas model persamaan berstruktur (SEM) menunjukkan terdapat kesepadanan (*fit*) yang baik antara model dengan data yang dikaji. Nilai *Normed Chi*


Square' (χ^2/df , 106.641 / 53) = 2.012, *Goodness of Fitness Index* (GFI) = .943, *Comparative Fit Index* (CFI) = .970, *Tucker-Lewis Index* (TLI) = .963 dan *Root Mean Square of Error Approximation* (RMSEA) = .057.

Keputusan analisis SEM menunjukkan model persamaan berstruktur sepadan dengan data kajian. Ini kerana hampir kesemua indeks pengukuran (ratio = 2.012 < 3, GFI = .943 \geq .90, CFI = .970 \geq .92, TLI = .963 > .92, RMSEA dan SRMR < .80) adalah memenuhi ketetapan indeks kesepadanan yang disarankan (Brown, 2006; Hair, Black, Babin, Anderson & Tatham, 2006). Jadual 2 berikut menunjukkan indeks kesepadanan model persamaan berstruktur (SEM) kajian ini.

Jadual 2 : Indeks Kesepadanan Model Persamaan Berstruktur (SEM)

Indeks Pengukuran	SEM Model	Ketetapan Kesepadanan	Nilai	Sumber
χ^2/df (ratio)	2.102	\leq	3.00	Hair et al. (2006)
GFI	.943	\geq	.90	Brown (2006)
CFI	.970	\geq	.92	Hair et al. (2006)
TLI	.963	\geq	.92	Hair et al. (2006)
RMSEA	.057	\leq	.08	Hair et al. (2006)
SRMR	.027	\leq	.08	Hair et al. (2006)

Pengujian model persamaan berstruktur (SEM) diaplikasikan bagi menjawab soalan kajian kedua iaitu untuk mengenal pasti sama ada wujud pengaruh kepimpinan transformasional terhadap amalan TQM di sekolah kajian. Pengaruh antara pemboleh ubah kajian ini adalah berdasarkan keputusan analisis SEM menggunakan perisian AMOS. Rajah 1 berikut menunjukkan kekuatan pengaruh antara pemboleh ubah kajian.



Rajah 1: Model Persamaan Berstruktur Pengaruh Kepimpinan Transformasional Terhadap Amalan Prinsip TQM

Petunjuk:

- | | | | | | |
|-------|---|------------------------------|--------|---|--------------------------------------|
| KT | = | Kepimpinan Transformasional | TQM | = | Pengurusan Kualiti Menyeluruh |
| KTKVI | = | Kejelasan Visi dan Inspirasi | TQMKK | = | Komitmen Kualiti |
| KTKB | = | Kepimpinan Berteladan | TQMPK | = | Perancangan Kualiti |
| KTDKK | = | Dorongan Kerjasama Kumpulan | TQMFP | = | Fokus Pelanggan |
| KTPI | = | Pertimbangan Individu | TQMKMG | = | Keterlibatan Menyeluruh Guru |
| | | | TQMPP | = | Penghargaan dan Pengiktirafan |
| | | | TQMPBF | = | Pengurusan Berdasarkan Fakta |
| | | | TQMLPG | = | Latihan dan Pembangunan Guru |
| | | | TQMPPP | = | Proses Pencegahan dan Penambahbaikan |

Seterusnya kekuatan pengaruh antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian ini diinterpretasi melalui nilai beta (β) bagi menjawab soalan kajian kedua. Magnitud kekuatan pengaruh ditunjukkan melalui nilai (β) antara +1 hingga -1 (Hair et al., 2006).

Julat pekali pengaruh $\pm .91$ hingga ± 1.00 menunjukkan pengaruh yang sangat kuat, $\pm .71$ hingga $\pm .90$ menunjukkan pengaruh yang kuat, ± 0.41 hingga $\pm .70$ menunjukkan pengaruh yang sederhana, $\pm .21$ hingga $\pm .40$ menunjukkan pengaruh yang lemah tetapi jelas, manakala $\pm .01$ hingga $\pm .20$ menunjukkan pengaruh yang sangat lemah dan hampir tiada pengaruh. Jadual 3 berikut pula menunjukkan kekuatan pengaruh antara pemboleh ubah.

Jadual 3 : Kekuatan Pengaruh Antara Pemboleh ubah

Standardized Regression Weights: (Group number 1 - Default model)

Pemboleh ubah	β	Nisbah Kritikal (C.R)	Tahap Signifikan (p)	Kekuatan Pengaruh
KT → TQM	.28	4.308	***	Lemah tetapi jelas

*p < .05; **p < .01; ***p < .001

Berdasarkan Rajah 1 dan Jadual 3 di atas, nilai beta, nisbah kritikal dan aras signifikan, adalah ($\beta = .28$, C.R = 4.308, $p < .001$) yang menunjukkan bahawa kepimpinan transformasional mempunyai pengaruh ke atas amalan TQM. Empat dimensi kepimpinan transformasional yang mempengaruhi amalan TQM di sekolah menengah SBT yang dikaji ialah kejelasan visi dan inspirasi (KTKVI), kepimpinan berteladan (KTKB), dorongan kerjasama kumpulan (KTDKK) dan pertimbangan individu (KTPI). Walau pun keputusan kajian ini menunjukkan kekuatan pengaruh yang lemah, tetapi tetap menunjukkan pengaruh yang jelas ($\beta = .28$) seperti mana saranan Hair et al. (2006).

Secara keseluruhannya, keputusan ini membuktikan bahawa pemimpin sekolah yang mengamalkan empat dimensi kepimpinan transformasional seperti kejelasan visi dan inspirasi, kepimpinan berteladan, dorongan kerjasama kumpulan dan pertimbangan individu akan meningkatkan amalan TQM di sekolah.

Keputusan ini menjawab soalan kajian kedua kajian ini serta menyokong dapatan kajian lalu, iaitu pemimpin yang mengamalkan kepemimpinan transformasional dapat meningkatkan amalan TQM dalam organisasi (Hirtz, Murray & Riordan, 2007; Laohavichien, Fredendall & Cantrell, 2009; Laohavichien, Fredendall & Cantrell, 2011; Mohammad & Rushami, 2012).

Keputusan kajian ini selari dengan dapatan kajian Hirtz et al. (2007) di University of Missouri-Rolla, merumuskan bahawa pemimpin yang mengamalkan stail kepemimpinan transformasional lebih berkeyakinan memimpin, menjelaskan visi masa depan, menggalakkan pengikut menyokong dan membina keyakinan sendiri bagi memastikan kualiti serta mencapai kecemerlangan organisasi (Hirtz, et al. 2007).

Keputusan ini juga sepadan dengan dapatan kajian Luria (2008) di syarikat pemprosesan makanan di Israel yang menunjukkan pemimpin mereka mengamalkan kepemimpinan transformasional akan lebih bertingkah laku positif terhadap kualiti berbanding dengan yang sebaliknya. Demikian juga dengan dapatan kajian Laohavichien, et al. (2011) di syarikat pengeluaran di Thailand yang menunjukkan bahawa kepemimpinan transformasional berupaya mempengaruhi pelaksanaan amalan TQM. Bagaimana pun dapatan kajian Laohavichien, et al., (2011) menunjukkan dimensi pertimbangan individu dalam kepemimpinan transformasional tidak memberi kesan ke atas amalan TQM seperti mana yang ditemui dalam kajian ini.

Penemuan yang bercanggah ini menimbulkan satu lagi isu untuk perbincangan atau penyelidikan selanjutnya iaitu perbezaan budaya dalam mempengaruhi amalan sesuatu stail kepemimpinan. Kajian silang budaya oleh Pillai, Scandura dan William (1999) adalah antara dapatan yang menyokong isu perbezaan budaya ini. Di samping itu, Bush dan Middlewood (2005:9) juga pernah menegaskan bahawa pendekatan '*one size fits all*' adalah tidak berkesan untuk diaplikasikan dalam semua keadaan. Pendapat ini selaras dengan apa yang dikemukakan dalam Teori Kontingensi (1967), iaitu sifat yang berbeza dalam kalangan pemimpin sepatutnya diamalkan dalam situasi yang berbeza.

7. Kesimpulan

Kajian ini melihat pengaruh kepemimpinan transformasional terhadap amalan TQM dalam kalangan pemimpin sekolah di Malaysia. Kajian ini menyarankan supaya pemimpin sekolah mengamalkan stail kepemimpinan transformasional dalam usaha meningkatkan kualiti pengurusan di sekolah. Pemimpin sekolah disarankan mengamalkan empat dimensi kepemimpinan transformasional yang ditemui mempengaruhi amalan TQM di sekolah kajian, iaitu kejelasan visi dan inspirasi, kepemimpinan berteladan, dorongan kerjasama kumpulan dan pertimbangan individu. Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan pemimpin sekolah mengamalkan kepemimpinan transformasional, di samping turut mengamalkan stail kepemimpinan lain bersesuaian dengan budaya sesebuah sekolah yang dipimpin kerana budaya sekolah menengah SBT yang dikaji adalah berbeza dengan budaya sekolah harian lain di Malaysia.

8. Batasan Kajian dan Cadangan Kajian Akan Datang

Kajian ini masih terbatas dengan beberapa aspek yang boleh dijadikan sandaran kepada kajian akan datang. Data yang terkumpul hanya terhad dalam kalangan guru mata pelajaran yang menjadi responden di sekolah menengah SBT di Semenanjung Malaysia sahaja. Demikian juga dengan kaedah kajian yang hanya menggunakan kaedah kuantitatif sahaja.

Pengkaji akan datang disarankan meluaskan bidang kajian dengan melibatkan jenis sekolah dan responden yang berbeza. Oleh kerana kajian ini tidak membuat perbandingan, maka pengkaji seterusnya disarankan membuat analisis perbandingan dengan melibatkan lain-lain jenis, kategori serta lokasi sekolah. Berhubung dengan kaedah pengumpulan data pula, disarankan pengkaji akan datang meluaskan bidang kajian dengan mempelbagaikan kaedah pungutan data kajian. Oleh kerana kajian ini hanya menggunakan kaedah kuantitatif semasa mengumpul data, maka pengkaji seterusnya disarankan menggunakan kaedah temu bual atau pemerhatian untuk digabungkan dengan kaedah kuantitatif supaya lebih bersifat komprehensif.

Seterusnya, dicadangkan kajian lanjutan bagi melihat secara lebih meluas dan secara perbandingan stail kepimpinan yang lain dalam mempengaruhi amalan TQM, khususnya dalam alam persekolahan di Malaysia.

Rujukan

- Anderson, M., & Sohal, A. S. (1999). A study of the relationship between quality management practices and performance in small businesses. *International Journal of Quality & Reliability Management*, 16(9), 859-877.
- Ahire, S. L., Waller, M. A., & Golhar, D.Y. (1996). Quality management in TQM versus non-TQM firms: An empirical investigation. *International Journal of Quality & Reliability Management*, 13(8), 8-27.
- Ahmad Jusoh. (2008). *Hubungan amalan pengurusan kualiti menyeluruh dengan tahap pemindahan teknologi: Suatu kajian empirikal mengikut perspektif penyelidik universiti*. Tesis Ph.D Tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Arcaro, J. S. (1995). *Quality in education: An implementation handbook*. Florida: St. Lucie Press.
- Aziah Ismail, Abdul Ghani Kanesan Abdullah, & Abdullah Saad. (2008). Amalan kepimpinan transformasional dan kapasiti kepimpinan di dua buah sekolah kluster di Malaysia. *Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-15*. Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Barnett, K., McCormick, J., & Conners, R. (2001). Transformational leadership in schools Panacea, placebo or problem? *Journal of Educational Administration*, 39 (1), 24-46.
- Bass, B.M. (1985). *Leadership and performance beyond expectations*. New York: Free Press.
- Brown, T.A. (2006). *Confirmatory factor analysis for applied research*. New York: The Guilford Press.
- Burns, J.M. (1978). *Leadership*. New York : Harper & Row Publishers.
- Bush, T., & Middlewood, D. (2005). *Leading and managing people in education*. London: Sage Publication Ltd.

- Das, A., Paul, H., & Swierczek, F. W. (2008). Developing and validating total quality management (TQM) constructs in the context of Thailand's manufacturing industry. *Benchmarking and International Journal*, 15(1), 52-72.
- Ehigie, B.O., & Akpan, R.C. (2004). Roles of perceived leadership styles and rewards in the practice of total quality management. *The Leadership and Organization Development Journal*, 25(1), 24-40.
- Flynn, B., Schroeder, R. G., & Sakakibara, S. (1994). A framework for quality management research and associated measurement instrument. *Journal of Operations Management*, 11(3), 339-366.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham, R. L. (2006). *Multivariate data analysis with reading*. New Jersey: Prentice Hall.
- Hausman, C. S., Crow, G., & Sperry, D. (2000). Portrait of the ideal principal: Context and self. *NASSP Bulletin*, 84(617), 5-14.
- Hirtz, P.D., Murray, S.M., & Riordan, C.A. (2007). The effects of leadership on quality. *Engineering Management Journal*, 19 (1), 22-8.
- Jantzi, D. & Leithwood, K. (1996). Toward an explanation of variation in teachers' perceptions of transformational school leadership. *Educational Administration Quaterly*, 32(4), 512-538.
- Keng Boon Ooi, Nooh Abu Bakar, Veeri Arumugam, Lorraine Vellapan, & Alex Kim Yin Loke. (2007). Does TQM influence employees' job satisfaction? An empirical case analysis. *International Journal of Quality & Reliability Management*, 24(1), 62-77.
- Laohavichien, T., Fredendall, L.D., & Cantrell, R.S. (2009). The effects of transformational and transactional leadership on quality improvement. *The Quality Management Journal*, 16(2), 7-24.
- Laohavichien, T., Fredendall, L.D., & Cantrell, R.S. (2011). Leadership and quality management practices in Thailand. *International Journal of Operations & Production Management*, 31(10), 1048-1070.
- Lim Kong Teong. (2003). *Impak prinsip-prinsip TQM ke atas kepuasan hati pelajar dan pencapaian akademik pelajar: Satu kajian empirikal dalam sektor pendidikan tinggi awam di Malaysia*. Tesis Ph.D Tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.

- Luria, G. (2008). Controlling for quality: Climate, leadership and behavior. *The Quality Management Journal*, 15 (1), 27-38.
- Mohammad Alharbi, & Rushami Zien Yusoff. (2012). Leadership style and their relationship with quality management practices in public hospitals in Saudi Arabia. *International Journal of Economics and Management Sciences*, 1(10), 59-67.
- Nir, A.E. (2002). School based management and it effect on teacher commitment. *International Journal of Leadership in Education*, 5(4), 323-341.
- Noorliza Karia, & Muhammad Hasmi Abu Hassan Asaari. (2006). The effects of TQM practices on employees' work-related attitudes. *TQM Magazine*, 18(1), 30-43.
- Patimah Ibrahim. (2002). *Budaya kualiti sekolah dan hubungannya dengan komitmen guru*. Tesis Sarjana Tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Sallis, E. (1993). *Total quality management in education*. London: Kogan Page.
- Samson, D., & Terziovski, M. (1999). The relationship between total quality management practices and operational performance. *Journal of Operations Management*, 17, 393-409.
- Scott, M. J., & Palmer, J. (1994). Eight principles for total quality schools. *Education*, 115(1), 139-143.
- Sergiovanni, T.J (2001). *The principalship: A reflective practice perspective* (4th ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Siti Noor Ismail. (2011). *Hubungan antara amalan pengurusan kualiti menyeluruh (TQM) dengan iklim sekolah dalam kalangan sekolah-Sekolah menengah berprestasi tinggi, sederhana dan rendah di Negeri Kelantan*. Tesis Ph.D Tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Wan Mohd Zahid Wan Mohd Nordin. (1993). *Wawasan pendidikan: Agenda pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Zhang, Z., Waszink, A., & Wijngaard, J. (2000). An instrument for measuring TQM implementation for Chinese manufacturing companies. *International Journal of Quality and Reliability Management*, 17(7), 730-755.

Tajuk Kertas Kerja:

Perbandingan Iklim Sekolah Antara Maktab Rendah Sains MARA

Nama Pembentang:

1. Mohd Mahadzir Rahimi Bin Mohamed Nawi

2. Zulaine Bin Awang Taul

3. Dewi Isma Madzlan Bin Mazlan

4. Khalid Bin Johari

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Emel: pakmaha@yahoo.com, azat8569@gmail.com,

dewiismamadzlan@yahoo.com, drkhalidjohari@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini meliputi kajian terhadap tahap, aras dan perbandingan iklim sekolah antara Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Malaysia. Sampel kajian ini melibatkan 246 orang guru dari enam buah MRSM. Instrumen kajian menggunakan soal selidik yang dibangunkan oleh Hoy (2003) berkaitan dengan Iklim Sekolah. Ianya terbahagi kepada beberapa elemen seperti elemen inovasi pengajaran, kerjasama, hubungan pelajar, sumber-sumber sekolah dan pembuatan keputusan. Analisis data dalam kajian ini melibatkan penggunaan statistik deskriptif seperti